

| | | | |
|------------|---------------------------------|-------------|------------|
| Headline | UniKL idam lebur SSTMI | | |
| MediaTitle | Harian Metro(www.hmetro.com.my) | | |
| Date | 07 Feb 2013 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 300 |
| Order Rank | 5 | Readership | 8 |
| Language | Malay | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | MYR 1,500 |
| Frequency | Daily | PR Value | MYR 4,500 |

UniKL idam lebur SSTMI

[Link: http://c.moreover.com/click/here.pl?z8123881959&z=1600249637](http://c.moreover.com/click/here.pl?z8123881959&z=1600249637)

Kuala Lumpur: UniKL Young Guns tekad meleburkan rekod gah Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail (SSTMI Thunderbolt) dengan cuba memenangi perlawanan terakhir Liga Hoki Malaysia (LHM) sekali gus dinobatkan juara liga baru. Bakal berlangsung di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil, hari ini, kedua-dua pasukan masih berpeluang merangkul kejuaraan liga andai salah satu pasukan memenangi perlawanan itu. Namun jika berakhir seri, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) yang kini menduduki tangga teratas liga dengan memungut 18 mata akan dinobatkan juara liga. Pengurus pasukan UniKL, Mohd Faiz Isa berkata, segala-galanya kini terletak di tangan pemain tapi tekad merencanakan harapan SSTMI memang tidak pernah pudar. "Setiap tahun kami tetapkan sasaran memenangi dua piala tapi musim lalu SSTMI terlalu gah apabila mendominasi saingan. "Tidak dinafikan mereka pasukan pilihan sejak beberapa tahun lalu tapi kini kami berpeluang menyekat SSTMI dan cuba memenangi perlawanan ini," katanya. Sementara itu, pengurus pasukan SSTMI, Mohd Haimee Mohtar berkata, mereka perlu memenangi perlawanan hari ini untuk mempertahankan kejuaraan liga yang dimenangi musim lalu. "Tidak dinafikan barisan pemain agak sedikit tertekan kerana mereka tiada pilihan lain selain menang perlawanan esok (hari ini). "Saya harap mereka dapat turun dengan tenang dan beraksi sebaik mungkin kerana peluang terbuka luas untuk kami," katanya. Artikel ini disiarkan pada : 2013/